

Sebuah konsortium dimiliki oleh:



Memo SPSB & Kumpulan

Kepada: Kakitangan Sinergi Perdana & Kumpulan
Daripada: Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia (PSM)

Ruj.: SPSB/MEMO/09/2020 (09)
Tarikh: 30 September 2020

Perkara: **PERINGATAN – PERATURAN BERKAITAN PEMATUHAN WAKTU BEKERJA BAGI KAKITANGAN SINERGI PERDANA SDN BHD (SPSB) DAN KUMPULAN**

Merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan, masih terdapat kakitangan yang tidak mematuhi waktu bekerja dan keluar untuk makan/minum pagi semasa waktu bekerja. Sehubungan dengan itu, peringatan dikeluarkan bagi kesemua Kakitangan SPSB & Kumpulan agar mematuhi waktu-waktu bekerja yang telah ditetapkan oleh pihak Syarikat selaras dengan **Peraturan 2. "Working Days and Hours"**, yang termaktub di dalam "*Employee Scheme of Service Handbook*" SPSB & Kumpulan.

3. Ketidakpatuhan perkara ini adalah bertentangan dengan peraturan yang berkuatkuasa dan kakitangan boleh dikenakan **tindakan tatatertib** selaras dengan **Peraturan 6.5 "Code of Ethics & Conduct"**, yang termaktub di dalam "*Employee Scheme of Service Handbook*" SPSB & Kumpulan.

4. Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan agar peraturan ini dipatuhi setiap masa. Pengawasan dan pengawalan yang berterusan hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang terlibat. Ketua-Ketua Jabatan hendaklah bertanggungjawab terhadap pegawai dan kakitangan bawahannya dalam mematuhi peraturan ini.

Sekian, Terima kasih.

Yang benar,

SINERGI PERDANA SDN BHD

RINI WATI BTE SHAHRIL

Pengurus Sumber Manusia & Pentadbiran